

22 APR 2004

AUSTRALIA-ASEAN

AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND USAHAKAN JANJI NIAGA DENGAN ASEAN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 22 April (Bernama) -- Australia dan New Zealand (NZ) mungkin

berjaya memeterai perjanjian perdagangan bebas dengan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), demikian dilaporkan.

Setelah bertahun-tahun hasrat itu terhalang oleh pendirian bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, menteri-menteri ekonomi

ASEAN bercadang mengundang Perdana Menteri Australia, John Howard dan rakan

sejawatannya dari NZ, Helen Clark, untuk menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin ASEAN di Laos November ini untuk membincangkan rancangan

mengenai perjanjian itu.

Langkah itu akan menghubungkan Australia dan NZ, yang sememangnya

berkongsi perjanjian perdagangan bebas selama dua dekad, dengan negara-negara ASEAN termasuk Indonesia, Filipina dan Brunei.

Memandangkan ASEAN sedang mengadakan rundingan mengenai perjanjian

perdagangan bebas dengan China, India dan Jepun, langkah itu mungkin membawa masuk Australia dan NZ ke dalam blok perdagangan bebas Asia.

Menteri Luar Australia, Alexander Downer dan Menteri Perdaganganannya,

Mark Vaile, menyambut baik pengumuman ASEAN itu, sambil berkata, ianya akan

diasaskan kepada hubungan yang sedia kukuh antara pertubuhan itu dan Australia.

"Ia terbina melalui jalinan ekonomi, komersial dan kewangan yang luas

dan erat antara Australia dan ASEAN," kata mereka dalam satu kenyataan.

"Perjanjian perdagangan akan melengkapinya dua perjanjian perdagangan

bebas yang telah dirundingkan oleh Australia dengan negara-negara anggota

ASEAN baru-baru ini."

Perjanjian perdagangan bebas Australia-Singapura berkuatkuasa tahun

lalu, manakala janji niaga perdagangan bebas Australia-Thailand seharusnya

mula beroperasi pada awal 2005.

NZ juga sedang berunding dengan Singapura dan Thailand tentang kemungkinan mengadakan hubungan perdagangan bebas.

Dalam tahun kewangan lepas, Australia mengeksport barangan bernilai

hampir A\$14 bilion (A\$1=RM2.79) ke negara-negara ASEAN, dan

mengimport
barangan dan perkhidmatan bernilai hampir A\$22 bilion.

Di New Zealand, Menteri Rundingan Perdagangan, Jim Sutton
berkata,
keputusan itu menandakan satu kejayaan dalam hubungan negara itu
dengan
ASEAN.

"Ini berita baik, dan saya ingin menerokanya lebih jauh lagi,"
katanya.

Australia dan NZ telah lama berusaha untuk mengadakan perjanjian
dengan
ASEAN, tetapi usaha itu telah beberapa kali terbantut disebabkan
oleh
pendirian Dr Mahathir, yang berundur pada akhir Oktober tahun lepas.

-- BERNAMA

NDC MAD OS KY AHM